

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**KONSEP KEBUDAYAAN DALAM ADAT ISTIADAT KAUM
MELAYU BRUNEI DI SABAH**

*THE CONCEPT OF CULTURE IN THE TRADITIONAL CUSTOMS OF BRUNEI
MALAYS IN SABAH*

Nurfarain Abdul Rahman^{1*}, Mohd Sohaimi Esa², Saifulazry Mokhtar^{3*}, Azmin Pullong⁴, Roryna A.B. Komon⁵

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: farainrahman04@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msahaimi@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msahaimi@ums.edu.my

⁴ Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah Kampus Tawau, (UiTM)

Email: azminpullong@uitm.edu.my

⁵ Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: roryna.abkomon@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 16.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Rahman, N. A., Esa, M. S., Mokhtar, S., Pullong, A., & Komon, R. A. B. (2023). Konsep Kebudayaan Dalam Adat Istiadat Kaum Melayu Brunei Di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 189-206.

DOI: 10.35631/IJLGC.832016.

Abstrak:

Penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji konsep kebudayaan dalam adat istiadat kaum Melayu Brunei di Sabah. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menjelaskan dan menceritakan gambaran ataupun bayangan mengenai sifat-sifat serta unsur-unsur keaslian yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kepentingan adat istiadat terhadap kaum Melayu Brunei di Sabah. Seterusnya, mengkaji sejauhmanakah konsep kebudayaan berkait rapat dengan adat istiadat dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah. Dalam pada masa yang sama, kajian ini telah menggunakan metod kajian melalui kajian perpustakaan iaitu sumber primer dan juga sumber sekunder. Bahan-bahan ini akan didapati daripada perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kajian lapangan dalam metodologi kajian. Bagi mengukuhkan lagi data yang diperolehi, kajian lapangan tersebut adalah seperti, sesi temubual yang melibatkan beberapa orang responden. Dimulai dengan pendahuluan dan diikuti dengan permasalahan kajian iaitu, berlaku

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



fenomena hakisan nilai serta budaya bangsa. Permasalahan kajian juga dapat dikenalpasti kerana, adat istiadat yang dipraktikkan pada masa kini, adalah kurangnya penerapan budaya ini dalam masyarakat generasi muda. Setelah itu, diikuti pula dengan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian iaitu terdapat beberapa kepentingan adat istiadat terhadap kaum Melayu Brunei serta hubungkait konsep budaya dengan adat istiadat kaum Melayu Brunei. Antaranya ialah, adat kelahiran, adat perkahwinan dan juga adat kematian. Oleh itu, hasil kajian ini perlu diambil berat oleh pihak berkaitan terutamanya kaum Melayu Brunei yang suda berumur agar mereka dapat mencari cara untuk mempertahankan adat istiadat ini agar lebih menarik minat masyarakat serta mampu melahirkan generasi yang mengambil berat tentang kepentingan sesuatu adat dan tidak hilang ditelan zaman.

Kata Kunci:

Adat Istiadat, Brunei, Budaya

Abstract:

This study aims to examine the concept of culture in the customs of the Bruneian Malays in Sabah. In this study as well, the researcher will explain and give an overview of the characteristics and elements of authenticity owned by the Bruneian Malay community in Sabah. The objective of this study is to identify the importance of customs for Brunei Malays in Sabah. Next, examine the extent to which the concept of culture is closely related to customs among Bruneian Malays in Sabah. In addition, at the same time, this study has used research methods through library research, which is primary sources and also secondary sources. These materials are available from the University Malaysia Sabah library. Besides that, this study also uses field research in the research methodology. In order to further strengthen the data obtained, the field study is like an interview session involving several respondents. It starts with an introduction and is followed by the research problem which is the phenomenon of the collapse of national values and culture. The problem of the study can also be identified because the customs that are practiced nowadays, is the lack of application of this culture in the society of the younger generation. After that, it was followed up with the results of the study based on the objective of the study, which is that there are several customs that are important to the Bruneian Malays as well as the relationship between the concept of culture and the customs of the Bruneian Malays. Among them are birth customs, marriage customs, death customs and also religious customs. Therefore, the results of this study need to be taken seriously by the concerned parties, especially the Malays of Brunei who are old so that they can find a way to defend the custom in order to attract more interest to the community and be able to produce a generation that cares about the importance of a custom and does not disappear with time.

Keywords:

Customs, Brunei, Culture

Pengenalan

Negeri Di Bawah Bayu sudah lama menjadi perbualan masyarakat di seantero dunia. Hal ini demikian kerana persaudaraan sesama kaum, budaya adat tradisi dalam berbagai-bagai suku kaum serta kesenian yang semula jadi menggambarkan ciri-ciri dan keaslian sekali gus

masyarakat lain menjadikan Sabah sebagai sebuah tempat pelancongan bagi mereka. Suku kaum di Sabah memiliki kepelbagaian identiti, agama, bahasa, adat istiadat dan adat resam namun, ia tidak sama sekali menghalang kaum tersebut untuk hidup bersatu padu dan mewarisi hubungan yang harmoni sebelum kedatangan pengaruh luar pagi (Adam, 2020).

Konsep Adat

Membicarakan tentang adat istiadat kaum di Sabah, setiap kaum ada adat mereka tersendiri sama adat itu sewajarnya adat yang sebenarnya adat¹, adat yang teradat atau adat yang diadatkan atau adat istiadat? Secara amnya, adat membentuk satu titik pertemuan yang mengimplikasikan adanya interaksi antara manusia dengan alam (Kling, 1996). Manakala, Ahmad (1999) berpendapat bahawa adat merupakan satu amalan manusia sama ada perbuatan atau perkataan yang dilakukan secara sukarela serta diwarisi sejak dahulu tanpa putus.

Berdasarkan perspektif syariah Islam, istilah *urf* mempunyai hubungkait dengan perkataan adat. Al-Nafasi, Ibn 'Abidin dan Ibn Nujaym adalah para sarjana yang telah bersetuju untuk mengatakan bahawa *al-urf* dan *al-adah* memiliki maksud yang sama dalam konteks teori usul al-fiqh (Saad, 2015). Pendek kata, istilah *Urf* dan adat boleh digunakan dengan maksud yang sama. Selain itu, perkataan adat juga dikatakan berasal dari perkataan *al-aud* atau *al-mu'awadah* yang membawa makna ulangan perbuatan hingga menjadi mudah dan menjadi tabiat (Saad, 2015). Ini bermaksud adat telah menjadi sebahagian kehidupan bagi semua masyarakat yang berbilang bangsa serta menjadi satu kebiasaan untuk mereka mengerjakan tanpa paksaan. Secara keseluruhannya, adat merangkumi keseluruhan cara hidup masyarakat yang boleh ditakrif sebagai kebudayaan, sistem masyarakat, undang-undang, upacara atau istiadat, sistem sosial, kepercayaan (Ibrahim, 1993:5) serta perkara yang sering dilakukan oleh kaum tersebut. Sebagai contoh, cara makan atau cara duduk yang sewajarnya semua kaum perlu menurut adat yang ditetapkan oleh nenek moyang mengikut bangsa mereka sendiri. Justifikasinya, adat ibarat perlakuan atau tatacara di dalam kehidupan (Selat, 2001:104-105).

Saad (2015) menyatakan terdapat empat kategori adat antaranya adat yang sebenarnya adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan serta adat istiadat. Adat istiadat merupakan salah satu adat yang memberi pengertian iaitu satu peraturan atau tata cara tingkah laku yang perlu dihormati dan dipatuhi bagi setiap kaum dari zaman nenek moyang ke generasi baru. Adat istiadat telah ditafsir sebagai satu kelebihan yang terdapat dalam kehidupan masyarakat yang kemudiannya menjadi norma secara berterusan (Ibrahim, 2003:4). Merujuk semula kepada tajuk penulisan, kaum Melayu Brunei di Sabah harus mematuhi segala tata cara serta larangan dalam adat istiadat mereka. Sekiranya mereka melanggar adat istiadat tersebut, maka akan berlaku satu malapetaka tanpa sangkaan semua kaum. Dalam meniti arus kemodenan ini, sesetengah kaum Melayu Brunei tidak mengambil berat tentang adat istiadat kerana ada di antara adat itu berlanggar dengan larangan daripada Allah SWT.

Dua objektif kajian sebagai panduan untuk menyempurnakan penulisan ini. Antara objektif kajian tersebut adalah mengenalpasti kepentingan adat istiadat terhadap kaum Melayu Brunei

¹ Secara terminologi, *adat yang sebenarnya adat* (Ibrahim, 2003:8) berkaitan dengan ketentuan alam yang hakiki, abadi, tidak akan berubah-ubah serta ia berlaku mengikut kudrat Ilahi. Ini bermaksud adat tersebut sudah sememangnya termaktub dalam Al-Quran dan Hadis. Sebagai contoh, *adat api membakar*, *adat air membasahi*, *adat ayam berkokok*, *adat murai berkicau* dan *adat laut berombak*.

di Sabah serta sejauhmanakah konsep kebudayaan berkait rapat dengan adat istiadat dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah.

Permasalahan Kajian

Kaum Melayu Brunei di negara Brunei Darussalam bukan hanya dikenali sebagai kaum minoriti di Sabah namun kaum ini juga membawa budaya yang sudah mengalami proses asimilasi kepada kaum Melayu Brunei di Sabah (Damit, 2015). Sebagai analogi, keistimewaan budaya dari aspek adat istiadat, kesenian, makanan sajian tradisional, pakaian tradisional dan lain-lain. Ini menyebabkan kaum Melayu Brunei akan semakin terkenal di antara salah satu kaum yang terdapat di Sabah. Bak kata orang-orang tua pada zaman dahulu, adat istiadat tidak seharusnya dilupakan oleh semua kaum terutamanya generasi muda walaupun semakin hari semakin berdepan dengan teknologi kemodenan.


Tidak dinafikan pula, berlaku fenomena hakisan nilai dan budaya bangsa (Saringan, 2007:10). Fenomena yang berlaku telah menyebabkan proses penyerapan dan asimilasi terhadap sesuatu kebudayaan bangsa lain. Dalam hal ini, keunikan adat istiadat yang diamalkan oleh kaum Melayu Brunei Sabah juga semakin ditinggalkan oleh kaum sendiri disebabkan berlakunya pembangunan dan proses modenisasi pada masa kini. Tambahan pula, pernyataan ini turut disokong oleh Aloicius (2008) di mana beliau berpendapat bahawa adat istiadat yang kian dipraktikkan kerana kurangnya penerapan budaya ini ke dalam diri setiap generasi muda. Justeru itu, generasi muda khususnya kaum Melayu Brunei di Sabah perlu memainkan peranan agar adat ini dapat diamalkan secara berterusan untuk kaum mereka sendiri. Bahkan, budaya peninggalan daripada nenek moyang kita yang terdahulu tidak harus dibiarkan hilang ditelan zaman (Arbi, 2019).

Metolodogi Kajian

Bagi memenuhi objektif penulisan ini, kaedah kualitatif merupakan salah satu kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji. Data-data dalam penulisan ini diperolehi melalui kaedah pengumpulan data iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan terdiri daripada dua sumber yang sangat penting iaitu sumber primer dan sumber sekunder yang boleh didapati di Perpustakaan Negeri Sabah, Arkib Negeri Sabah serta Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Di samping itu, kajian lapangan telah dijalankan sebagai maklumat tambahan dalam menyiapkan penulisan ini. Kajian lapangan ini dijalankan di perkampungan serta beberapa Kawasan sekali gus melibatkan sesi temu bual bersama beberapa orang responden di kawasan penempatan kaum Melayu Brunei, Sabah yang mempunyai pengetahuan tentang budaya dalam adat istiadat kaum mereka. Pada akhirnya, pengkaji akan membuat analisis berdasarkan sumber yang ditemui sebagai dapatan kajian berkenaan tajuk penulisan ini. Secara langsung, kaedah kajian ini membantu untuk mengetahui sejauhmanakah konsep budaya berkait dalam adat istiadat yang terdapat dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah.

Dapatan Kajian

Kepentingan Adat Istiadat Terhadap Kaum Melayu Brunei di Sabah



Jadual 1: Kepentingan Adat Istiadat Terhadap Kaum Melayu Brunei di Sabah

Sumber: Koleksi Pengkaji

Mewujudkan Kehidupan Masyarakat yang Harmoni dan Saling Bantu Membantu

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak, lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia serta dilingkari dengan kemajuan sains dan teknologi ini, kaum Melayu Brunei di Sabah tidak seharusnya melupakan adat istiadat yang sedia ada iaitu tinggalan nenek moyang sebelum abad ke-21. Andaikata adat ini diabaikan oleh kaum Melayu Brunei akan serta-merta mengakibatkan generasi kini kurang pendedahan berkenaan adat istiadat kaum mereka. Salah satu kepentingan adat istiadat bagi kaum Melayu Brunei di Sabah ialah mewujudkan kehidupan masyarakat yang harmoni dan saling bantu membantu. Dalam hal ini, adat dianggap sebagai satu komitmen buat setiap ahli keluarga kepada suku kaum yang berlainan. Sebenarnya adat istiadat sudah pun lama dipraktikkan oleh kaum Melayu Brunei terhadap semua kaum di Sabah. Tamsilnya, adat perkahwinan, majlis doa selamat, perayaan serta berkaitan dengannya memerlukan semangat kekeluargaan yang tinggi dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah.

Kaum Melayu Brunei telah menunjukkan sifat keperimanasian yang sewajarnya ada dalam diri mereka seperti saling bantu membantu serta mengambil berat antara satu sama lain terutamanya mereka yang jatuh sakit atau pindah rumah. Suasana semasa keramaian kaum Melayu Brunei ini dapat mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni tanpa adanya bermasam muka. Melalui penerapan adat istiadat ini juga, ia mampu membuahkan kegembiraan dan melahirkan kesejahteraan sesama kaum di Sabah. Oleh itu, adat tersebut tidak boleh dilupakan

dengan sengaja kerana ia dikira sebagai pesanan yang bernilai daripada nenek moyang zaman dahulu.


Pembentukan Keadilan Sosial

Seterusnya, adat istiadat mampu membentuk keadilan sosial dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah. Perkara ini tercetus apabila adanya isu berkenaan tanggungjawab dan hak setiap anggota keluarga sekiranya berlaku peristiwa yang tidak terlintas di dalam fikiran. Berdasarkan ulasan daripada A. Samad Idris, Nur Halim Hj. Ibrahim, Hj. Muhd Tainu, Aharmala N.S (1994:149), adat dilihat sebagai prinsip hidup sesebuah masyarakat yang asasi, tetap dan kekal tanpa mengalami perubahan dengan kadar yang amat kecil dalam masa yang amat panjang. Ini bermaksud adat istiadat ini diambil kira selaku pembentukan permuafakatan sesama kaum sendiri dengan adanya keadilan sosial dalam penentuan tanggungjawab serta hak asasi. Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan ialah pembahagian harta atau kecurian. Tidak dinafikan bahawa masalah seperti ini akan terjadi dalam kalangan kaum Melayu Brunei di Sabah sehingga mereka buntu bagaimana hendak menyelesaikan perkara ini selain merujuk kepada mahkamah atau pihak polis yang berdekatan. Keadaan ini seharusnya boleh diselesaikan secara berdamai antara satu sama lain tanpa melibatkan pihak luar. Oleh sebab itu, adat istiadat inilah membantu kaum tersebut untuk mengatasi masalah yang dihadapi dengan mengikuti adat yang sedia ada. Contohnya, ketua keluarga perlu memainkan peranan dalam menyamaratakan pembahagian harta tinggal keluarga mereka agar tidak berlaku perselisihan faham. Kebiasaannya, pada zaman dahulu mereka memberikan harta peninggalan kepada anak-anak mereka hanya mengikut adat sahaja. Namun, pada masa kini ianya sangat jarang dilakukan kerana dianggap sebagai satu pertentangan dengan ajaran agama Islam.

Melambangkan Identiti Kekeluargaan

Penerapan unsur adat istiadat dalam kalangan kaum Melayu Brunei amat penting untuk memastikan semua ahli keluarga memiliki tanggungjawab serta sentiasa menjaga budi pekerti walau di mana sahaja mereka berada. Perkara ini mesti dititikberatkan kerana mereka membawa nama baik keluarga yang menjadi kebanggaan (Bakar, Husin, 2004). Sesetengah daripada kaum Melayu Brunei di Sabah masih mengamalkan adat istiadat seperti perkahwinan, kelahiran, kematian serta majlis-majlis yang tertentu mengikut budi bicara mereka. Adat istiadat ini sudah senyatanya berbeza dengan adat kaum lain di Sabah. Kemungkinan ada juga di antara kaum Melayu Brunei ini tidak lagi mahu mengikuti adat daripada nenek moyang khususnya adat perkahwinan. Akan timbul persoalan kenapa mereka bertunang terlebih dahulu padahal adat merisik perlu dilakukan sebelum mempunyai ikatan yang sah. Namun begitu, kaum Melayu Brunei harus tetap akur untuk mengelakkan perbualan kaum lain. Ekoran daripada itu, ibu bapa harus mempertunjukkan peranan mereka agar anak-anak taat dan tahu cara menghormati mereka di samping mengamalkan adat istiadat yang tersedia ada (al-Hadi, 1986). Persis peribahasa Melayu, "*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*". Peribahasa ini menyentuh tentang didikan anak-anak agar menjaga nama baik keluarga serta mencerminkan keperibadian yang mulia dan ketinggian yang luhur.

Hubungkait Konsep Budaya Dengan Adat Istiadat Kaum Melayu Brunei di Sabah



Jadual 1: Adat Istiadat Kaum Melayu Brunei di Sabah

Sumber: Koleksi Pengkaji

Adat Kelahiran

Kaum Melayu Brunei di Sabah mewarisi pelbagai adat istiadat antaranya ialah adat kelahiran, adat kematian, adat perkahwinan dan adat kepercayaan yang diamalkan kaum ini. Penulisan ini akan menggambarkan adat kelahiran yang diamalkan oleh kaum Melayu Brunei sekali gus menjadi budaya mereka sepanjang hayat. Adat kelahiran terbahagi kepada tiga kategori iaitu adat atau pantang larang semasa ibu mengandung, melahirkan anak dan semasa berpantang yang dilakukan selepas melahirkan anak.

Adat Si Ibu Sedang Mengandung

Kaum Melayu Brunei mengamalkan beberapa adat yang dianggap sebagai sosiobudaya serta kepercayaan mereka. Kaum Melayu Brunei terutamanya di daerah Membakut, Sabah juga mengibaratkan adat seperti pantang larang yang perlu dipatuhi oleh anak-anak muda. Ini semua meninggalkan kesan musibah, kecacatan, susah sewaktu melahirkan dan perkara yang berkaitan dengannya terhadap si anak ibu mengandung (Damit, Mokhtar & Mohad, 2018:134). Semasa mengandung, si ibu tidak boleh makan makanan seperti nenas, durian, timun, minuman gas dan makanan pedas kerana ia boleh menyebabkan si ibu mengalami keguguran. Seterusnya, si ibu mengandung tidak dibenarkan berjalan pada waktu maghrib hingga ke malam kerana si ibu boleh *ketaguran*² atau diusik oleh makhluk halus. Jelaslah bahawa mempercayai adat ini sudah sebagai budaya tradisi yang bukan hanya kaum Melayu Brunei tetapi kaum Bajau di Kota Belud, Sabah.

² *Ketaguran* merupakan salah satu bahasa yang digunakan oleh kaum Melayu Brunei di Sabah khususnya daerah Membakut. Ia membawa maksud kepada gangguan makhluk halus (Hj Taba, *Temu bual*, 2023).

Adat tradisi kaum Kedayan di Sipitang, Sabah lebih kurang sama dengan adat tradisi kaum Melayu Brunei di mana si ibu dan si ayah dilarang untuk mentertawakan atau mengejek orang yang mengalami kecacatan fizikal (Damit, Mokhtar & Mohad, 2018) Hasil daripada temu bual informan Puan Rapih Hj Taba (2023), beliau juga melarang anak dan menantunya yang mengandung untuk melihat aksi atau cerita yang melucukan, menghina bahkan melihat rupa haiwan-haiwan seperti monyet dan lain-lain. Selain daripada itu, si ibu mengandung tidak boleh memakai tuala di leher dan tudung seperti shawl. Ini kerana kedua-dua benda ini akan dibelit di leher atau kepala secara langsungnya akan menyebabkan tali pusat membelit di kawasan leher anak mereka (Duraman, 2023). Si ibu mengandung juga dilarang supaya tidak mengajuk perilaku seseorang agar ajukan itu tidak berbalik kepada si ibu.

Adat Si Ibu Semasa Melahirkan Anak

Kaum Melayu Brunei di Sabah memiliki kepercayaan dan amalan tertentu berkait tatacara menyambut kelahiran bayi. Sebaik sahaja bayi muncul di pintu rahim ibu, upacara menyambut kelahiran bayi telah bermula. Bagi kaum Melayu Brunei, upacara ini amat penting sehingga dianggap sebagai suatu budaya dalam adat kelahiran. Upacara semasa menyambut kelahiran bayi hendaklah dilakukan dengan penuh berhati-hati dan penuh kasih sayang, selain menjaga maruah si ibu sepanjang proses bersalin. Dari sini, terdapat beberapa adat yang mesti dipatuhi apabila bidan kampung bekerja selaku menyambut bayi dari pintu rahim ibunya (Mokhtar & Mohad, 2017).

Adat Si Ibu Selepas Melahirkan Anak

Adat selepas melahirkan anak kaum Kedayan, Sipitang menyerupai adat kaum Melayu Brunei di Sabah. Hal ini bersangkut paut apabila kedua-dua kaum ini percaya si ibu dalam proses bersalin akan terputus 44 urat (Burud, 2023). Setelah berakhir si ibu berpantang selama 40 hari atau 44 hari, si ibu akan dimandikan dengan mandiaan sandaan untuk mengecutkan rahim yang baharu sahaja melahirkan anak. Proses mandi sandaan atau dikenali mandi 40 hari dikendalikan oleh seorang makcik atau nenek kerana mereka mahir dalam bidang ini sehingga kini masih lagi mandian tersebut dijadikan sebagai budaya berpantang (Rahman, 2023). Beberapa jenis daun dipakai seperti limau kapas, daun kulimpapa, daun kunyit, daun sirih bertemu urat dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, proses betangas atau asap sangat bermanfaat terhadap kaum Melayu Brunei terdahulu untuk memulihkan semangat dan tenaga si ibu. Makcik atau nenek yang dipanggil ke rumah akan mengelilingi asap itu dari arah bawah sampai ke atas. Bahkan, nenek moyang kaum Melayu Brunei sampai ke hari ini masih percaya adanya tangas dapat mengelakkan si ibu dan si anak terkena gangguan jin (Zinin, 2023). Justeru itu, proses ini selalunya dimulakan pada waktu petang sebelum tibanya waktu maghrib (Burud, 2023). Sebahagian daripada kaum Melayu Brunei di Sabah khususnya penduduk di Membakut telah membuat upacara timbang anak yang baharu sahaja lahir dianggap suatu budaya dalam secara turun-temurun. Datuk nenek dahulunya memakai kayu dan 2 helai kain sarung (Batik) kemudian sehelai kain di sebelah kiri akan diisi barang-barang atau makana manakala sehelai lagi diletakkan anak si Ibu di atas kain itu. Bertitik tolak daripada itu, segelintir ibubapa masih mengaplikasikan kaedah timbang anak selebihnya mereka menggunakan peralatan moden di klinik atau hospital berdekatan (Rahman, 2023).

Sebelum mengakhiri perenggan di atas, kaum Melayu Brunei bakal mendirikan khemah untuk majlis aqiqah anak atau cucu mereka. Kebiasaannya, ibubapa si anak akan berbincang antara satu sama lain berkaitan tempat dan tarikh untuk mereka majlis aqiqah. Selepas itu, si ayah bersama-sama bapa atau bapa mertuanya akan mencari seekor atau dua ekor kambing di kawasan kambing. Pada saat itu, si ibu pula akan membuat persiapan bersama ahli keluarganya. Mereka saling bantu-membantu untuk menyiapkan bunga telur, hadiah berbentuk buku Yassin besertakan tasbih, memasak makanan serta menempah kumpulan marhaban. Tambahan pula, *naindung*³ akan dimulakan sebelum kumpulan marhaban membacakan ayat-ayat al-Quran (Ahmad, 2015). Naindung mengandungi beberapa jenis antaranya termasuklah Naindung Kasar, Naindung Si Bongsu, Naindung Zikir dan sebagainya yang dimainkan atau dilagukan semasa majlis keramaian (Mahmood, 1980). Setiap ayat Naindung lebih kurang dengan pantun namun ianya tidak boleh diabaikan oleh kaum Melayu Brunei di Sabah. Hal ini membuktikan bahawa Naindung mengandungi maksud secara mendalam (Ahmad, 1999). Majlis aqiqah tentunya diiringi alunan bacaan al-Quran dan lagu-lagu berkaitan agama Islam. Setiap ahli kumpulan marhaban akan dipanggil oleh wakil keluarga untuk menggunting rambut si anak atau cucunya. Kemudian, rambut itu diletakkan di dalam sebiji kelapa dan dihambur daun pandan kepada si anak yang sudah dicampurkan dengan minyak wangian (Burd, 2023). Menurut mufti Mufti Wilayah Persekutuan, S.S Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri (2017), hukum majlis aqiqah adalah sunat bagi orang yang mampu. Majlis aqiqah dijalankan pada hari ke-7 kelahiran bayi. Pada abad ke-20 hingga abad ke-21, ibubapa si anak kerap mengadakan majlis aqiqah selepas ibunya habis berpantang atau mengikut umur si bayi. Contohnya, si bayi berumur 12 bulan atau 1 tahun maka barulah berlangsung majlis itu. Hal ini demikian kerana kebanyakan anak-anak muda yang sudah memiliki anak tidak ada masa untuk membuat majlis ini serta adakalanya mereka menunggu gaji masuk ataupun kurang pembantu pada hari majlis aqiqah. Pada hemat saya, budaya dalam adat kelahiran kaum Melayu Brunei di Sabah perlu dilestarikan supaya warisan nenek moyang semakin hari semakin tidak dilupakan. Dengan itu, kaum Melayu Brunei harus mengorak langkah yang sistematik bagi memastikan sesekali generasi kini melanggar adat kerana ianya memberi kesan negatif dalam kehidupan seseorang.

مَنْ وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ فَأَحَبُّ أَنْ يَنْسُكَ عَنْهُ فَلْيَنْسُكَ عَنِ الْغُلَامِ شَاتَانِ مُكَافِئَتَانِ وَعَنِ الْجَارِيَةِ شَاةٌ

Bermaksud: “Sesiapa yang dikurniakan anak dan ingin melakukan ibadat untuknya, maka lakukanlah ibadah aqiqah bagi anak lelaki dua ekor kambing dan bagi anak perempuan pula seekor kambing.”- Riwayat Abu Daud

Adat Kematian

Salah satu rukun Iman yang wajib diketahui oleh semua lapisan masyarakat yang beragama Islam ialah Iman kepada Hari Kiamat atau Hari Akhir. Setiap hamba Allah wajib menyakini bahawa akan adanya kematian setelah kehidupan. Rasulullah صلى الله عليه وسلم berfirman:

³ *Naindung* terdiri daripada kumpulan sastera lisan yang serupa puisi dan susunan khas pantun kaum Melayu Brunei di Sabah. Dinyanyikan secara beramai-ramai iaitu anggaran ahli sebanyak dua belas atau dua puluh empat orang wanita. (Saat Awang Damit, 2015, Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah. Dlm. Abdul Aziz Ahmad. *Pantun Naindung Masyarakat Melayu Brunei Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.)

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ حَ عَنْ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

“Setiap jiwa pasti akan merasakan mati. Dan sesungguhnya pada hari Kiamat sahajalah disempurnakan pahalamu. Barangsiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan ke dalam Syurga, maka sungguh dia telah berjaya. Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdaya”
(Surah Ali Imran 3:185)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثَرُوْا ذِكْرَ هَذِهِ اللَّذَاتِ يَعْنِي الْمَوْتَ

“Perbanyaklah mengingat pemutus kenikmatan, yaitu kematian”

(HR Ibnu Majah)

Mati adalah pasti. Di sebalik itu manusia tidak akan pernah tahu tarikh, tempoh masa dan tempatnya. Sudah tentu kematian juga dikira sebagai perjalanan hidup yang baru kerana lahirnya kepercayaan didalamnya (Mosum & Yusoff, 2017). Agama Islam telah menjanjikan manusia yang melakukan perbuatan baik akan dibalas baik manakala perbuatan yang buruk akan mendapat balasan di akhirat mahupun di dunia sebagai sebuah peringatan kepada manusia. Satu perkara lagi yang wajib masyarakat mengambil tahu iaitu *alam barzakh*. Berdasarkan pernyataan daripada Syeikh Ali al-Sobuni, alam barzakh dikenali alam yang akan dilalui oleh manusia setelah meninggal dunia. Dari sudut bahasa, barzakh bermaksud pemisah antara dua benda. Keadaan ini tentunya menjelaskan alam barzakh di mana ia menjadi pemisah antara alam dunia dan alam akhirat. Segala perbuatan akan dihitung sama ada baik atau buruk.

Umum mengetahui bahawa, kaum Melayu Brunei di Sabah juga mengamalkan adat kematian dalam pengurusan jenazah. Adat ini juga dikatakan adat yang sama dilakukan oleh kaum Kedayan dan Bajau tetapi ada sebahagian kaum di Sabah mempunyai adat yang berlainan atas faktor agama dan modenisasi. Berdasarkan pengalaman pengkaji, sebelum seseorang diantara keluarga kaum Melayu Brunei yang sedang sakit atau nazak, keluarga tersebut akan meletakkan buku bacaan Yassin di atas kepala pesakit atau memasang rakaman suara bacaan Al-Quran yang bertujuan supaya tidak ada gangguan jin yang mendekati pesakit. Selain itu, pesakit juga akan dibacakan Surah Yassin oleh ahli keluarga sekali gus doa-doa menyembuhkan penyakit (Rahman, 2023). Andaikan pesakit itu meninggal dunia, semua ahli keluarga akan berkumpul di hospital atau kediaman bahkan jiran tetangga juga datang ke rumah untuk menghantar duit dalam sampul surat yang dianggap sebagai sedekah (Rahman, 2023). Bukan itu sahaja, mereka ini akan membantu ahli keluarga pesakit menguruskan jenazah, menyediakan makanan bagi sesiapa sahaja yang datang serta membuat persiapan untuk kenduri pada waktu malam.

Sebelum memandikan jenazah, jenazah akan dibacakan Surah Yassin secara beramai-ramai yang diketuai oleh imam. Ahli keluarga pula akan memastikan agar tidak ada haiwan

terutamanya kucing yang dekat atau melangkah jenazah⁴ (Taba, 2023). Sementara itu, kaum lelaki akan pergi ke kuburan terlebih dahulu untuk menyediakan papan keranda serta liang lahad bagi jenazah tersebut. Kemudian, proses pengebumian jenazah akan dilakukan oleh kaum lelaki manakala kaum wanita bagi ahli keluarga akan berada di belakang di samping menunggu imam untuk membacakan Talqin. Ibu pengkaji, Rapih Binti Hj Taba (2023) pernah memberitahu seandainya jenazah itu sudah berumahtangga maka suami atau isteri perlu mendekatkan dirinya di tepi kubur dan menundukkan kepalanya untuk melihat jenazah sedang dimasukan ke dalam kubur tersebut. Ini bertujuan menghalangi suami atau isteri berkahwin dengan orang lain. Setelah selesai pengebumian, ahli keluarga akan pulang ke rumah bagi mempersiapkan kenduri tahlil. Kaum Melayu Brunei mengadakan kenduri tahlil ini bermula dengan solat Maghrib seterusnya membaca Surah Yassin. Selesai solat Isyak, imam akan memulakan bacaan zikir, tahlil dan doa tahlil untuk arwah itu. Kenduri tahlil berlangsung selama 3 hari, 7 hari, 40 hari, 100 hari. Dalam pada itu, kaum Melayu Brunei di Sabah berniat mengadakan kenduri tahlil arwah ini hanyalah semata-mata mendapatkan manfaat serta kebaikan daripada Allah SWT di samping memberikan sedekah kepada sesiapa yang berkunjung ke rumah. Pada malam ke-7, ahli keluarga arwah akan menghadihkan kain atau baju, sejadah, buku Yassin, tasbih dan wang ringgit sebagai pemberian daripada keluarga tersebut (Taba, 2023).

Adat kematian kaum Melayu Brunei hampir sama dengan adat kematian kaum Bajau di Tuaran, Sabah. Menurut informan, penduduk di kampung Jembulang, Tuaran tidak terlalu terikat dengan adat istiadat. Walakin begitu, adat telahpun dianggap sebagai suatu budaya sudah semestinya diamalkan oleh penduduk di sana agar mendalami ilmu adat warisan nenek moyang mereka sangat penting ibarat kesinambungan generasi akan datang di samping menjaga nama baik keluarga. Dari segi gelaran, kaum Melayu Brunei menamakan kenduri arwah iaitu “beratip”, “makan 40 hari”, “makan 100 hari” manakala kaum Bajau, Tuaran pula mengibaratkan “nutup” yang bermaksud memberi makan kepada roh si mati yang ada kaitan dengan kepercayaan animisme (Madinin, 2023). Selanjutnya, informan Siti Dg Nurul Nazirah Binti Madinin (2023) berkata, kaum Bajau membuat kenduri tahlil arwah selepas waktu solat Isyak kemudian keluarga arwah juga mengagihkan duit dalam sampul surat kepada tetamu yang hadir sebagai sedekah yang ditafsir sebagai suatu budaya. Secara tidak langsung, perbuatan ini sejajar dengan adat istiadat kematian kaum Melayu Brunei di Sabah.

Sudah terang lagi bersuluh, kaum Melayu Brunei di Sabah harus mematuhi beberapa pantang larang adat kematian. Atas pemerhatian pengkaji semasa ahli keluarga atau penduduk di Kampung Pimping, Membakut di mana seseorang itu tidak boleh memotong kuku dan menjemur pakaian di halaman rumah selagi jenazah tidak dibawa ke tanah perkuburan. Seseorang itu juga dilarang untuk makan makanan seperti sayur labu dan ambuyat. Setelah meneliti dan mengkaji sehingga ke akar umbi, saya bersetuju dengan pendapat yang menyatakan tentang larangan makanan ini. Keadaan ini tentunya membangkitkan isu kurang menyenangkan terhadap keluarga arwah. Jikalau seseorang itu makan ambuyat atau sayur labu semasa ahli keluarga atau jiran terdekat telah meninggal dunia, diantara mereka ditimpa masalah iaitu jatuh sakit atau meninggal dunia walhal menurut Islam sudah tertulis di Luh Mahfuz kiraan umurnya (Burud, 2023).

⁴ Sekiranya haiwan melangkah jenazah, dikatakan akan membawa kesan buruk kepada si mayat malah akan berat jikalau diangkat keranda bersama si mayat.

Intihanya, kaum Melayu Brunei serta kaum lain di Sabah masih menerapkan adat istiadat kematian biarpun bertentangan teknologi moden, fatwa hadis dan agama. Kontradiksinya, adat istiadat kematian ini perlu dilestarikan dan tidak dilupakan sekalipun ada perlakuannya yang bertentangan dengan ajaran agama. Malahan, adat kematian terutamanya kenduri tahlil arwah ini tidak wajib kepada semua penduduk kaum Melayu Brunei kerana sebahagian daripada kaum ini berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Justifikasinya, bagi kaum Melayu Brunei di Sabah yang sanggup mengeluarkan dana untuk kenduri ini sangat dialu-alukan tanpa menimbulkan sebarang fitnah. Hal ini tercetus apabila ada diantara kaum Melayu Brunei yang menduga bahawa orang yang membuat kenduri ini seolah-olah menunjukkan keluarga arwah ini mampu sebaliknya hanya niat kerana Allah SWT dan arwah sahaja. Amalan tahlil arwah ini turut menggabungkan dengan bacaan ayat dan surah daripada al-Quran, zikir memperingati Allah SWT yang melingkupi tasbih, tahmid, takbir dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta memberi makan kepada tetamu. Semua amalan ini telah mengikut syariat dalam agama Islam (Naquiuddin, 2019). Daripada Abdullah Ibn Salam RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامَ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

Bermaksud: “Wahai manusia, sebarkanlah salam, jamukanlah makan (kepada orang ramai) dan bersembahyanglah ketika orang sedang tidur, maka kamu akan masuk ke dalam Syurga dengan sejahtera”.

Adat Perkahwinan



Jadual 2: Senarai Adat Perkahwinan Kaum Melayu Brunei di Sabah

Sumber: Koleksi Pengkaji

Menurut Abdullah (1975), beliau menegaskan bahawa pada awalnya adat merupakan suatu tingkah laku yang sememangnya sudah diamalkan sehingga menjadi suatu kebiasaan yang kemudiannya dibuat oleh setiap kaum sekeliling. Pandangan ini disokong oleh Zainab (1982) di mana beliau turut berkata sekiranya adat ini dipatuhi ianya mampu membentuk ke arah kebaikan, kebenaran serta kekuasaannya. Kaum Melayu Brunei bersandar kepada adat perkahwinan kerana mereka percaya dengan adanya adat ini boleh memberi kepada kehidupan seseorang yang lebih baik. Bagi kaum tersebut, adat perkahwinan sangat diutamakan moga majlis perkahwinan akan berlangsung dengan meriah dan penuh adat. Sejak dua dan tiga dekad kebelakangan ini, memang kita dapat menyaksikan perkahwinan melibatkan dua orang menjadi suami isteri yang sah bagi meneruskan kelangsungan hidup serta meluaskan populasi kaum itu. Namun demikian, adat perkahwinan setiap kaum di Sabah berbeza seiring dengan budaya dalam kaum ini dan juga suatu tempat termasuklah negara atau negeri. Hal ini membuktikan bahawa wujudnya perbezaan implementasi juga dapat dilihat mengikut sesuatu kaum. Tidak dinafikan adat perkahwinan kaum Melayu Brunei di Sabah terkenal dan menjadi salah satu adat yang menjadi kesukaan bagi kaum lain di Sabah kerana mempunyai hubungkait dengan adat budaya di Brunei Darussalam. Walhal begitu pada zaman sekarang, tidak semua kaum terutamanya anak-anak yang lahir pada tahun 1990an sehingga 2000an kurang pemahaman apakah adat perkahwinan kaum Melayu Brunei yang sebenarnya. Natijahnya, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci adat perkahwinan yang dianggap sebagai budaya kaum Melayu Brunei sejak dahulu lagi.

Kaum Melayu Brunei di Sabah meraikan hari perkahwinan dengan beberapa peringkat adat istiadat antaranya ialah adat merisik, adat bertunang, adat menghantar berian, adat memucang dan mengeluis, adat berinai serta adat bersanding. Berdasarkan kajian lapangan dan pemerhatian pengkaji di Kampung Pimping, Membakut Sabah, kampung ini sebuah penempatan kaum Melayu Brunei di mana penduduknya telah berhijrah dan ada pertalian darah dari negara Brunei Darussalam. Gelaran dan bahasanya sama seperti penduduk di Brunei Darussalam hanya adat dalam kebudayaan semestinya mengalami proses asimilasi sehingga kini masih lagi dipraktikkan oleh kaum Melayu Brunei.

Peringkat pertama dalam adat perkahwinan kaum Melayu Brunei dimulai dengan adat “besuruh” atau “bejarum”. Adat besuruh dilakukan untuk menyuruh wakil pihak lelaki terutamanya golongan berusia tua merisik-risik anak gadis yang diidamkan sama ada sudah bersedia untuk dikahwinkan (Kanak, 2015). Menjelang abad ke-20, kaum Melayu Brunei tidak lagi mengikuti adat besuruh cuma meneruskan adat bejarum sahaja kerana ianya boleh menjimatkan masa kedua-dua pihak pengantin. Sekiranya pihak keluarga perempuan bersetuju untuk menyatukan anak-anak mereka, maka keluarga si lelaki akan menghantar rombongan sebagai tanda atau adat bertunang. Semasa majlis bertunang, pihak lelaki akan bersepakat dengan pihak perempuan untuk mensyaratkan berapa jumlah permintaan hantaran kepada pihak perempuan. Sewaktu di zaman nenek moyang, pihak perempuan akan meminta berian seperti mas kahwin, belanja dapur untuk membeli keperluan perkahwinan, sebetuk cincin emas dan “lunau”⁵ seperti seekor kerbau. Dalam konteks ini, kaum Melayu Brunei pada masa kini tidak lagi menetapkan syarat seperti dahulu disebabkan mengikut peredaran zaman yang

⁵ Lunau ialah binatang peliharaan yang akan diberikan kepada bakal isteri sama ada satu atau dua ekor kerbau sahaja. (Saat Awang Damit, 2015, Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah. Dlm. Nismah Kanak. *Adat Perkahwinan Masyarakat Brunei Di Kampung Pimping, Membakut: Satu Budaya Yang Telah Dilupakan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.)

semakin berubah. Keluarga si perempuan akan meminta wang hantaran atau mas kahwin, cincin emas serta alat pelengkap solat yang akan diletakkan dalam gangsa tembaga atau talam yang sudah dihiasi bunga-bunga mengikut warna tema. Adat bertunang turut dihiasi pantun-pantun atau kiasan bagi menyuarakan hasrat kedatangan pihak lelaki. Setelah perbincangan ini mendapat persetujuan, maka si perempuan tidak boleh dipinang oleh mana-mana lelaki lain (Kanak, 2015).

Adat seterusnya ialah adat menghantar berian atas permintaan pihak perempuan. Barang-barang hantaran akan dibawa oleh gadis-gadis dan pemuda-pemuda belasan tahun seperti cincin emas, alat kelengkapan solat, mas kahwin, barang-barang perhiasan diri, buah-buahan dan lain-lain mengikut kemampuan pihak lelaki. Namun, pada masa kini tambahan barang-barang hantaran semakin moden di mana kedua-dua pihak ini turut meletakkan telefon bimbit atau peralatan mainan (Game). Bahkan, mas kahwin si perempuan juga dimasukkan dalam saiz bingkai yang kecil (Rahman, 2023). barang-barang hantaran pihak lelaki dan perempuan akan diletakkan di bahagian tengah antara tetamu yang hadir.



Gambar 1.2: Adat Memucang Kaum Melayu Brunei

Sumber: Koleksi Pengkaji

Selesai majlis berian, adat memucang atau mengelupis diadakan selama sebulan dari tarikh sebelum berlangsungnya hari perkahwinan. Adat memucang lebih dikenali sebagai adat bergotong-royong bersama sanak saudara serta tetamu untuk membuat sesuatu pekerjaan (Kanak, 2015). Golongan lelaki yang berusia akan mencari buah kelapa, kayu api, seekor kerbau (jika diperlukan oleh pihak pengantin perempuan), memarut buah kelapa dan mengambil daun pandan. Bagi saudara perempuan dan tetamu yang tiba akan memotong ayam, daging, bawang, sayur-sayuran dan sebagainya untuk dihidangkan sepanjang majlis berlangsung. Selanjutnya, pihak keluarga pengantin akan mengelupis secara beramai-ramai yang menjadi kebiasaannya dilakukan pada hari Sabtu pagi di bangsal (Taba, 2023). Bagi

memeriahkan majlis mengelupis ini, tetamu yang hadir akan memainkan alat muzik tradisional kaum Melayu Brunei di Sabah iaitu Kulintangan. Kulintangan dibunyikan oleh kaum Melayu Brunei sebulan sebelum majlis perkahwinan. Hal ini berfungsi untuk mempelawa penduduk kampung berkunjung ke rumah serta menyemarakkan suasana kekeluargaan dalam kalangan Melayu Brunei.

Sebelum majlis bersanding, kedua-dua pengantin akan melalui adat bebedak dan berinai di rumah masing-masing. Adat atau majlis berinai dilakukan pada waktu malam selepas solat Isyak. Majlis ini diiringi oleh kumpulan marhaban besertakan alunan ayat Al-Quran serta lirik lagu berkaitan keagamaan. Para tetamu yang hadir pada malam itu akan diberikan bunga telur dan bungkusan kuih-muih sebagai buah tangan atau campur (Kanak, 2015). Makanan serta minuman seperti kelupis, kuih penyeram, kuih moden, kopi, nescare, air sirap bandung dan sebagainya diberikan oleh keluarga pengantin sebagai sajian mereka yang sudah menjadi suatu budaya sejak dahulu lagi (Taba, 2023). Adat bebedak pula di mana ibu pengantin telah menyuruh seorang nenek daripada keluarga mereka untuk mendandani pengantin dengan mengenakan bedak dari atas ke bawah kaki pengantin. Adat bebedak diadakan selepas majlis berinai khususnya waktu malam (Burud, 2023). Sekadar maklumat kepada pengkaji kaum Melayu Brunei dan generasi akan datang, kaum Melayu Brunei di Sabah akan mengadakan majlis berzapin atau bergambus setelah majlis berinai selesai. Walau bagaimanapun, menurut pemerhatian pengkaji di Kampung Pimping, Membakut majlis seperti itu tidak berapa dipraktikkan lagi oleh keluarga Puan Rapih Binti Hj Taba. Apabila ada majlis perkahwinan, keluarga Puan Rapih akan menggantikan majlis berzapin atau bergambus kepada pertandingan memainkan kulintangan dan diakhiri dengan persembahan naindung. Keluarga Puan Rapih mengumumkan kepada penduduk kampungnya sebelum majlis perkahwinan anaknya bahawa mereka akan menganjurkan pertandingan ini. Pertandingan adalah bertujuan untuk memeriahkan lagi suasana di samping terus memperingati bahawa alat muzik kulintangan masih ada walaupun sudah menjelang abad ke-21.

Adat bersanding merupakan adat terakhir dalam majlis perkahwinan kaum Melayu Brunei di Sabah. Secara lazimnya, majlis bersanding berlangsung pada hari ahad bermula jam 8 pagi sehingga jam 4 petang. Kedua-dua pengantin akan memakai busana Melayu Brunei ataupun busana moden lain. Para tetamu disajikan makanan dan kuih-muih. Setelah selesai menjamu selera, tetamu akan berjumpa orang tua pengantin untuk mengucapkan tahniah dan menghulurkan sampul surat yang berisi wang ringgit.⁶ Pihak pengantin lelaki akan berangkat ke rumah pengantin perempuan kemudian pengantin lelaki akan dipimpin oleh seorang lelaki tua ataupun ketua keluarga dengan memegang sehelai sapu tangan sekali gus mengelilingi kerusi sebanyak tujuh kali.⁷ Apabila pengantin lelaki sudah berjumpa isterinya, pengantin lelaki akan meletakkan tangan kanan di atas kedua-dua belah baju serta di bahagian ubun-ubun kepala pengantin perempuan untuk membatalkan air sembahyang (Kanak, 2015). Setelah itu barulah kedua-dua pengantin menuju ke pelamin yang direka khas untuk majlis bersanding. Majlis ini diikuti sekali lagi dengan bacaan doa daripada seorang imam atau ahli keluarganya bagi memberkati majlis perkahwinan mereka. Secara keseluruhannya, kaum Melayu Brunei di Sabah memang kaya dengan adat istiadat dan budaya. Sayang sekali sekiranya ada diantara

⁶ Kaum Melayu Brunei di Kampung Pimping, Membakut Sabah menganggap pemberian ini sebagai pertolongan daripada tetamu jemputan.

⁷ Kaum Melayu Brunei menganggap ianya sebagai suatu budaya dalam adat istiadat mereka untuk memastikan keselamatan serta mengelakkan berlakunya perkara yang buruk.

kaum ini berpecah belah malah meninggalkan budaya dalam adat istiadat kerana tanpa kita menyedari melalui adat inilah kaum Melayu Brunei dapat mengenali identiti mereka sebenar.

BIL	PERKATAAN	MAKNA PERKATAAN
1	<i>Ketaguran</i>	Bahasa yang membawa maksud kepada gangguan makhluk halus.
2	<i>Naindung</i>	- Kumpulan sastera lisan yang serupa puisi dan susunan khas pantun kaum Melayu Brunei di Sabah. - Dinyanyikan secara beramai-ramai iaitu anggaran ahli sebanyak dua belas atau dua puluh empat orang wanita.
3	<i>Beratip</i>	Mengadakan majlis tahlil dan bacaan Surah Yassin.
4	<i>Besuruh/bejarum</i>	Merisik anak perempuan yang diidamkan oleh pengantin lelaki.
5	<i>Lunau</i>	Binatang peliharaan yang akan diberikan kepada bakal isteri sama ada satu atau dua ekor kerbau sahaja

Jadual 3: Makna Perkataan Kaum Melayu Brunei di Sabah

Sumber: Koleksi Pengkaji

Penutup

Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan di atas, adat kelahiran, adat kematian dan adat perkahwinan kaum Melayu Brunei di Sabah adalah budaya dalam adat istiadat yang sangat bernilai kepada generasi akan datang. Kaum Melayu Brunei bukan sekadar produktif atas kepelbagaian khazanah warisan malah mampu menjalin ikatan keserasian dalam kalangan kaum di Sabah seperti kaum Bajau, Bisaya, Kedayan, Kadazandusun, Iranun dan banyak lagi. Kini, kaum Melayu Brunei masih mengamalkan adat istiadat. Biarpun ia semakin berkurangan kerana generasi muda melihat adat ini tidak mempunyai manfaat bahkan fasilitas yang dibina mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kaum Melayu Brunei. Tambahan pula, kaum Melayu Brunei adalah kaum peribumi di Sabah yang masih melestarikan tradisi dan budaya warisan terpelihara sehingga kini meskipun bertentangan dengan proses modenisasi (Idris, Damit, Ibrahim & Bee, 2022). Jika diamati, pengurusan kelahiran, jenazah dan perkahwinan menggunakan wang perbelanjaan yang banyak. Sedikit sebanyak pengetahuan tentang adat istiadat kaum Melayu Brunei di Sabah mampu meringankan beban seseorang. Oleh hal yang demikian, adat istiadat ini wajar dilestarikan setanding dengan sifatnya yang menandakan identiti etnik Melayu Brunei di Sabah. Harapan pengkaji pada masa akan datang, kajian tentang kebudayaan adat istiadat khususnya kaum Melayu Brunei di Sabah diperluaskan lagi untuk memudahkan generasi akan datang mengetahui serta menggunakan penulisan ini dalam menyempurnakan kerja mereka. Bukan itu sahaja, hala tuju penulisan ini diterbitkan sudah semestinya membuka minda semua lapisan masyarakat di seantero dunia bahawa adat istiadat harus dikekalkan di sebalik menyedarkan anak-anak muda agar tidak mempermainkan adat tersebut.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden yang terlibat dalam menyiapkan kajian tersebut. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia penulis serta Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, telah menganugerahkan Skim Geran Penerbitan untuk projek ini.

Rujukan

Artikel dalam Internet

S.S Datuk Dr. Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri. 2017. *Hukum Menggantikan Kambing Dengan Lembu Atau Unta Bagi Tujuan Aqiqah*. Dipetik dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/955-irsyad-al-fatwa-ke-184-hukum-menggantikan-kambing-dengan-lembu-atau-unta-bagi-tujuan-aqiqah> , pada 20 Februari 2023.

Artikel dalam Jurnal

Mosum, N. binti, & Mohd Yusoff, M. Y. 2017. Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).

Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hamid Mohad. 2017. Dinamika Hijrah Masyarakat Kedayan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, Edisi Khas 2017, 44-56. Samrah Ag.

Damit, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hakim Mohad. 2018. Norma dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan Di Sipitang, Sabah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 127-143.

Berita

Balingian Abdul Yakub Arbi. 2019. Kekalkan Adat Istiadat, Warisan Untuk Generasi akan Datang. *Utusan Borneo*. 19 Ogos. Hlm. 1.

Buku

A. Samad Idris, Nur halim Hj. Ibrahim, Muhd Tainu, Aharmala N.S (pngr). 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk dipupuk, Segar disiram Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan.

Abdul Latiff Abu Bakar, Hapipah Husin (pngr.). 2004. *Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka*. Melaka: Institut Seni Melaka.

Abdul Aziz Ahmad. 1999. “*Seni Budaya Masyarakat Brunei-Sabah dalam Menghadapi Alaf Baru*” Simposium Masyarakat Melayu Brunei Sabah (PMBS). Kota Kinabalu

Mohd Salleh Haji Ahmad. 1999. “*Pengantar Syari’at Islam*”. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Papatih Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggong*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Syed Alwi Sheikh al-Hadi. 1986. *Adat Resam dan Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bab dalam Buku

Norazit Selat. 2001. “Adat Melayu: Kesenambungan dan Perubahan”. Dlm. Abdul Latiff Abu Bakar. *Adat Melayu Serumpun*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.

- Saat Awang Damit, 2015, Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah. Dlm. Abdul Aziz Ahmad. *Pantun Naindung Masyarakat Melayu Brunei Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Saat Awang Damit, 2015, Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah. Dlm. Nismah Kanak. *Adat Perkahwinan Masyarakat Brunei Di Kampung Pimping, Membakut: Satu Budaya Yang Telah Dilupakan*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Zainal Kling. 1994. "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat". Dlm. A. Samad Idris et. al. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Glosari

Norhalim Hj. Ibrahim. 2003. Glosari Adat Negeri Sembilan.

Tesis Sarjana atau PhD

- Nurul Asmida Saad. 2015. *Pandangan MB Hooker Terhadap Adat di Tanah Melayu: Analisis Terhadap Buku Islamic Law In South-East Asia*. Masters Thesis. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Ronley Saringan. 2007. *Perubahan dan Cabaran Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Sungai: Kajian Kes di Kampung Penangah, Sabah*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Winnah Lela Aloicius. 2018. *Pelaksanaan Adat Perkahwinan Tradisional Masyarakat Dusun di kampung Timbua Ranau, Sabah*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Sarawak: Universiti Malaysia Sabah.
- Zunaidey Bin Mahmood. 1980. "Puisi Rakyat Suku Brunei dan Kedayan Sabah". Latihan Ilmiah. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Temu Bual

- Abdul Rahman Bin Hj Zinin. 15 Februari 2023. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
- Aisah Binti Awg Burud. 15 Februari 2023. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
- Isnanie Binti Abdul Rahman. 15 Februari 2023. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
- Rapih Binti Hj. Taba. 24 Januari 2023. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
- Siti Aisyah Binti Duraman. 23 Februari 2023. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
- Siti Dg Nurul Nazirah Binti Madinin. 25 Februari 2023. *Temu bual*. Kampung. Jembulang, Tuaran Sabah.